



UCAPAN ALUAN

**YBHG. DATUK HAJAH HAKIMAH BINTI MOHD. YUSOFF
KETUA PENGARAH JAKIM
SEMPENA
PERHIMPUNAN AGENSI DI BAWAH JABATAN PERDANA
MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

31 JANUARI 2023 (SELASA)

MUKADIMAH & HAMDALAH

Bismillah....

Alhamdulillah....

SALUTASI

MENGALUKAN KEHADIRAN YB MENTERI DAN WARGA AGENSI

1. Pertamanya, marilah sama-sama kita memanjatkan puji dan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah perkenan Nya kita semua warga agensi dapat berkumpul dan bertemu dalam Majlis Perhimpunan Agensi di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Pada kesempatan ini, saya mengalu-alukan kehadiran YB Menteri, Ketua-ketua Agensi serta seluruh warga agensi yang hadir ke majlis perhimpunan ini sama ada secara fizikal mahupun secara dalam talian.

2. Alhamdulillah, perhimpunan kita pada kali ini adalah merupakan perhimpunan pertama bagi tahun 2023 dan JAKIM telah diberi tanggungjawab selaku tuan rumah penganjuran. Lebih bermakna lagi, perhimpunan pada kali ini merupakan perhimpunan pertama bersama YB Menteri sejak beliau dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sudah pasti kita semua ternanti-nanti untuk mendengar amanat dan ucapan YB Menteri kepada kita semua warga agensi agama di bawah Jabatan Perdana Menteri.

KEPENTINGAN PERKONGSIAN VISI DAN MISI KEPIMPINAN

3. Sebagai warga agensi di pelbagai peringkat dan lapisan, amanat YB Menteri sangat penting buat kita semua, untuk dijadikan panduan dan dorongan bagi menyusun strategi melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan supaya tercapai apa yang dihasratkan. Setiap pemimpin sudah pasti mempunyai visi dan misi tersendiri bagi mencapai apa yang dipertanggungjawabkan. Justeru, kita semua yakin bahawa, perkongsian visi dan misi kepimpinan akan

mempercepatkan proses pengetahuan dalam kalangan warga organisasi, membentuk semangat kerjasama dan kebersamaan, faham memahami, dan yang penting ialah kesediaan mencerahkan tenaga, masa, idea dan segalanya sumber yang ada bagi sama-sama mencapai matlamat yang diinginkan.

4. Kita merasa beruntung dan bertuah kerana YB Menteri kita bukanlah asing dalam keluarga agensi agama di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sebagai seorang yang pernah diberi kepercayaan mengetuai sebuah jabatan yang berada di bawah JPM, sudah pasti lebih memudahkan YB Menteri untuk memahami selok belok pentadbiran dan pengurusan semua agensi di bawahnya. Bagi kita juga sebagai warga agensi, sudah pasti tidak merasa kekok untuk bekerja di bawah kepimpinan YB Menteri.

SOKONGAN JAKIM

5. JAKIM selaku agensi yang diberi tanggungjawab mengurus dan menyelaras pentadbiran hal ehwal Islam di negara ini oleh Majlis Raja Raja, sudah pasti akan bersama-sama YB Menteri dan semua agensi bagi memastikan amanah ini dapat dilaksanakan sebaik mungkin. Di bawah kepimpinan YB Menteri serta kerjasama serta dokongan padu semua pengurusan dan warga agensi yang lain, JAKIM akan terus memastikan tugas-tugas penyelarasan agensi agama sama ada di peringkat persekutuan mahupun negeri dapat dilaksanakan sebaik mungkin.

MALAYSIA MADANI

6. Hari ini insya Allah kita akan mendengar gagasan yang akan di bawa oleh YB Menteri melalui inisiatif pengislahan pengurusan hal ehwal islam diperingkat persekutuan ini sejajar dengan Aspirasi Malaysia MADANI yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada 19 Januari yang lalu. Sudah tentu kita di bawah Agensi YB Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama)

akan terus menyokong dengan penuh komitmen bagi menjayakan gagasan ini.

PENUTUP

7. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada YB Menteri, Ketua-ketua Agensi dan seluruh warga agensi yang dapat menyertai acara perhimpunan pada kali ini. Semoga, ucapan dan amanat yang bakal disampaikan oleh YB Menteri sebentar nanti dapat kita hayati untuk gerak kerja kita seterusnya.

Sekian, wabillahi tawfiq wal hidayah